

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

STW213 - Praktis Kerja Sosial Dengan Individu dan Keluarga

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan sahaja. **Soalan 1** adalah **wajib**. Pilih **DUA** (2) soalan yang lain.

Soalan 1 (Wajib)

Tina berumur 15 tahun kerapkali ponteng sekolah. Baru-baru ini, beliau telah dijumpai polis di Lorong Armenia, sebuah kawasan yang penuh dengan remaja yang terlibat dengan dadah. Ketika dijumpai, beliau bersama dengan sekumpulan gadis dalam lingkungan umur 22-24 tahun. Oleh sebab Tina masih di bawah umur, beliau telah dibawa berjumpa dengan pekerja sosial.

Andaikan anda pekerja sosial tersebut:-

- i. Huraikan maklumat yang anda perlu perolehi untuk menentukan situasi masalah sebenar (*assessment of situation*).
- ii. Huraikan andaian anda tentang latarbelakang dan situasi Tina.
- iii. Jelaskan rancangan tindakan yang anda akan cadangkan kepada Tina.

(100 markah)

Soalan 2

Bincangkan faktor-faktor yang menyumbang kepada kefungsian keluarga sebagai satu sistem.

(100 markah)

Soalan 3

Bincangkan, beserta contoh, cara model pendekatan sistem boleh dilaksanakan dalam intervensi dengan individu.

(100 markah)

Soalan 4

Bagaimakah model penyelesaian masalah boleh dilaksanakan dalam intervensi dengan keluarga. Huraikan.

(100 markah)

Soalan 5

Kirst-Ashman dan Hull (1994) mengemukakan lima teknik intervensi untuk meningkatkan keupayaan keluarga berinteraksi dan menyelesaikan masalah. Pilih EMPAT (4) teknik dan huraikan beserta contoh, perlaksanaan teknik berkenaan.

(100 markah)